

11 MAR 2004

Pilihan raya-Calon (BN Kedah)

BN KEDAH PERTURUNKAN HAMPIR 50 PERATUS MUKA BARU

ALOR STAR, 11 Mac (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Kedah menurunkan hampir separuh calon muka baru termasuk penceramah bebas Datuk Dr Mashitah Ibrahim dan Ketua Puteri Umno Kedah Suraya Yaacob bagi menghadapi pembangkang pada pilihan raya umum 21 Mac ini.

Senarai calon BN bagi 15 kerusi parlimen dan 36 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) itu diumumkan Pengerusi BN negeri Datuk Seri Syed Razak Syed Zain di hadapan ribuan penyokong parti itu di kediaman rasmi Menteri Besar di Mentaloon.

Syed Razak kekal mempertahankan kerusi DUN Kubang Rotan, sekaligus mematikan spekulasi yang beliau akan bertanding pada peringkat parlimen.

Ketua Pemuda Umno Kedah Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir, Ketua Penerangan Pemuda Umno Malaysia Datuk Azimi Daim dan Setiausaha Politik Perdana Menteri Datuk Mahadzir Khalid adalah antara muka baru dari Umno yang diketengahkan.

Ketiga-tiga mereka akan bertanding kerusi negeri iaitu Aziz di kerusi Kuala Ketil manakala Azimi di kerusi Bandar Baharu dan Mahadzir di kerusi Pedu.

Calon wanita kali ini berkurangan kepada empat orang berbanding lima apabila kerusi DUN Tanjong Dawai yang disandang oleh Ketua Wanita Umno Kedah Rosnah Majid akan ditandingi oleh Ketua Umno Merbok Datuk Arzmi Abdul Hamid.

Dua lagi wanita yang disenaraikan ialah Timbalan Ketua Wanita MCA negeri Lim Bee Kau yang akan mempertahankan kerusi parlimen Padang Serai dan anggota jawatankuasa Wanita Umno Bahagian Kubang Pasu, Khalidah Adibah Ayob yang bertanding di kerusi DUN baru Bukit Kayu Hitam.

Bagi kerusi DUN, Umno bertanding di 28 kawasan, MCA empat kawasan, MIC dan Gerakan masing-masing dua kawasan sementara bagi kerusi Parlimen Umno

bertanding di 13 kerusi dan MCA di dua kerusi.

Dua bekas Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid dan Tan Sri Osman Aroff

serta Exco Kerajaan Negeri Datuk Osman Md Aji tidak tersenarai.

Beberapa pemimpin yang tidak tersenarai pada pilihan raya umum lepas,

telah disenarai semula kali ini iaitu Datuk Dr Affifuddin Omar di kerusi

DUN Kuala Nerang dan bekas Exco Kerajaan Negeri Kedah Datuk Paduka Rahman

Ibrahim di Parlimen Pokok Sena.

Selain Dr Mashitah, tiga lagi muka baru yang diturunkan bagi kerusi

Parlimen iaitu Setiausaha Politik Perdana Menteri Datuk Johari Baharom di

Kubang Pasu yang menggantikan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, Setiausaha Umno bahagian Kuala Kedah Hashim Jahaya di Kuala Kedah

yang disandang oleh Timbalan Pesuruhjaya Pas Kedah, Mohamad Sabu.

Penasihat Media Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin yang juga

Ketua Penerangan Umno Merbok (Merbok) menggantikan bekas Menteri Kewangan

Tun Daim Zainuddin yang sebelum ini menyatakan hasrat tidak mahu bertanding

mempertahankan kerusi itu.

Pada peringkat DUN yang mempunyai 36 kerusi, BN menurunkan 20 muka

baru, yang terdiri daripada Ketua Pemuda Umno Bahagian Langkawi, Nawawi

Ahmad bagi kerusi Kuah, mengisi tempat bekas Menteri Besar Kedah Tan Sri

Sanusi Junid.

Bagi kerusi Ayer Hitam yang dikuasai PAS, BN meletakkan Ketua Penerangan Umno bahagian Jerlun, Othman Aziz.

Lain-lain muka baru adalah, Setiausaha Eksekutif Umno Kedah Ariffin Man

(Bukit Lada), Ketua Pemuda Umno Kuala Kedah, Abdul Mutalib Harun (Anak

Bukit), bekas ketua pemuda Umno Pendang Samsuddin Tahir (Tokai) dan bekas

ketua Pemuda Umno Yan, Datuk Suhaimi Abdullah (Sungai Limau).

Muka baru yang turut tersenarai di peringkat DUN adalah Timbalan Ketua

Bahagian Sik Salleh Ismail (Belantek), Ketua Penerangan Sik, Ismail Harun

(Jeneri), Timbalan Ketua Umno Bahagian Sungai Petani Dr Shuib Saidin (Pantai Merdeka), Timbalan Ketua MCA Sungai Petani Soon Kok Hwa

(Bakar

Arang), Ketua Penerangan Umno Bahagian Baling Salleh Yaakob (Bayu) dan

Ketua Bahagian Umno Baling Ismail Abu Bakar (Kupang).

Lain-lain adalah Timbalan Pengerusi MIC Kedah S. Ganeson (Lunas) dan bekas setiausaha akhbar Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Boey Chin Gan (Kulim).

Bagi kerusi parlimen, lima orang penyandang kekal bertanding pada pilihan kali ini, yang terdiri dari Datuk Abu Bakar Taib (Langkawi), Datuk Chor Chee Heung (Alor Star), Datuk Mahadzir Mohd Khir (Sungai Petani), Lim Bee Kau (Padang Serai) dan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir (Kulim/Bandar Baharu).

BN turut menyenarai calon yang kalah peringkat DUN dan parlimen pada pilihan raya lepas untuk bertanding di kerusi parlimen, iaitu Datuk Abdul Rahman Ariffin (Jerlun), Datuk Ghazali Ibrahim (Padang Terap) dan Datuk Badruddin Amiruldin (Jerai).

Turut disenaraikan bertanding kerusi parlimen adalah bekas anggota DUN Sungai Tiang Mohd Rozai Shafian yang beralih ke kerusi Pendang menggantikan Datuk Othman Abdul yang memenangi pilihan raya kecil Pendang 2002, dan bekas Exco Kerajaan Negeri Datuk Dr Wan Azmi Wan Ariffin (Sik).

Pada peringkat DUN, calon yang mempertahankan kerusi masing-masing adalah Abu Hassan Sharif (Kota Siputeh), Prof Datuk Dr Othman Ishak (Jitra), Cheung Khai Yan (Derga), Datuk Ahmad Bashah Mohd Hanipah (Bakar Bata), Datuk Chong Itt Chew (Kota Darul Aman) dan Fadzil Hanafi (Alor Mengkudu).

Turut mempertahankan kerusi masing-masing adalah Datuk Abdul Razak Hashim (Guar Chempedak), Datuk Beh Heng Seong (Gurun), Datuk V. Saravanan (Bukit Selambau) dan Datuk Fong Chok Gin (Sidam).

Sementara Ketua Umno Bahagian Padang Serai Datuk Mohd Hadzir Ismail berpindah dari DUN Kuala Ketil ke Merbau Pulas.

Turut disenaraikan naib ketua Umno Kuala Kedah Mohd Jamil Idrus yang ditugaskan merebut kembali kerusi Pengkalan Kundor dari Pas dan Ketua Bahagian Pokok Sena Datuk Ahmad Lebai Sudin yang juga akan mencabar Pas di Bukit Pinang.

Jamil pernah memenangi kerusi Pengkalan Kundor pada pilihan raya 1995

tetapi digugurkan pada pilihan raya 1999.

-- BERNAMA

MZM SN MNH ZS NHD